

Pengunjung tak selesa bau bangkai ikan dalam tasik

BH 11/07/24 M/S 20

JAS dakwa kadar oksigen terlarut rendah jadi punca

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Pengunjung pusat rekreasi Taman Bandar Indera Mahkota, di sini terpaksa menahan bau yang tidak menyenangkan, berikutan ribuan ikan dalam tasik buatan itu mati sejak Isnin lalu.

Antara spesies ikan pelbagai saiz yang mati ialah lampam dan tilapia. Ikan yang mati itu kini timbul di permukaan air, selain terdampar di tepi tasik yang menjadi lokasi masyarakat setempat melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Tinjauan di tempat berkenaan mendapati, walaupun kakitangan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) setiap hari mengutip

bangkai ikan untuk dilupuskan di tempat lain, didapati ikan mati sentiasa ada di beberapa kawasan tasik.

Kejadian berlaku sejak Isnin

Mereka mendakwa, kejadian ikan mati berlaku sejak Isnin lalu dan pihaknya setiap hari mengutip ikan mati bagi mengelak bau tidak menyenangkan di kawasan rekreasi itu yang menjadi tumpuan pengunjung setiap hari.

“Setiap pagi kami akan kutip ikan mati dalam tasik termasuk yang terdampar tepi tasik. Bagaimanapun, pada sebelah petang akan muncul lagi ikan mati.

“Sebelum ini ada kejadian ikan mati di tasik ini tapi jumlahnya tidak terlalu banyak,” kata kakitangan terbabit.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang, Wandi Yazid Yaakob, berkata pihaknya telah mengambil contoh air tasik bagi menentukan kualiti air yang menjadi punca ikan mati.

Katanya, hasil siasatan men-



Wandi Yazid Yaakob



Antara ribuan ikan yang mati di tasik Taman Bandar Indera Mahkota, Kuantan.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

dapati ikan yang mati terdiri daripada spesies lampam dan tilapia. Ujian dilakukan mendapati kadar oksigen terlarut (Dissolved Oxygen, DO) adalah di bawah 1.0 mg/L dan rendah berbanding julat normal bagi kehidupan akuatik iaitu 4.0 - 6.0 mg/L.

Katanya, kadar oksigen terlarut yang rendah dipercayai faktor utama menyebabkan kematian ikan.

“Tiga persampelan air telah di-

jalankan kemudiah, diserahkan kepada Jabatan Kimia Malaysia bagi tujuan analisa.

“Siasatan masih diteruskan bagi mengenalpasti punca kejadian ikan mati, orang ramai yang mempunyai maklumat kes kematian ikan boleh menghubungi JAS di talian 1-800-88-2727 atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <http://eaduan.doe.gov.my>,” katanya, di sini, semalam.